

Hakisan punca runtuh



■ Tee Keat (lima, kiri) melawat kejadian tembok runtuh di salah sebuah kuil di Pandan Jaya.

PANDAN JAYA - Kejadian ribut yang berlaku baru-baru ini mengakibatkan sebahagian daripada tembok Kuil Hindu Sri Lingewarar di sini runtuh sehingga membimbangkan pengunjung dan pihak pengurusan kuil berkenaan berpunca daripada hakisan tanah.

Ahli Parlimen Pandan, Datuk Seri Ong Tee Keat yang meluangkan masa melawat tempat kejadian, melahirkan kebimbangan kerana kejadian itu dikhuatiri akan mengganggu struktur binaan di kuil itu.

"Saya pernah menghulurkan bantuan ketika kuil ini di-

bina kira-kira 10 tahun lalu. Difahamkan kejadian hakisan yang berlaku di sini semakin teruk, sekiranya tidak dibendung pada peringkat awal, saya khuatir hakisan ini akan merebak dan menjejaskan struktur binaan di sini," katanya.

Menurutnya, beliau mengarahkan petugas khasnya memohon bantuan segera daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Saya difahamkan daripada pihak pengurusan kuil ini, perkara ini sudah dimaklumkan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan pihak JPS sudah dimaklumkan, namun mereka tidak

pasti tindakan yang bakal diambil daripada pihak berkenaan," katanya.

Beliau berkata, kes ini adalah salah satu kes yang mendesak dan memerlukan kerja pembinaan semula tebing dan tembok, malahan hakisan ini perlu dibendung agar tiada keretakan berlaku pada struktur kuil ini.

"Saya difahamkan tapak itu adalah tanah rizab Kerajaan Negeri dan pihak pengurusan masih berusaha untuk mendapat hak milik tapak ini, saya memahami kesulitan yang dihadapi pihak pengurusan kuil berhubung kejadian yang berlaku," katanya.